

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/1998**

Februari 1998

PGT 425 - Teknik-Teknik Kaunseling

(Masa: 2 jam)

Jawab soalan **SATU (1)** dan mana-mana **DUA (2)** soalan lain.

Kes Suzana

Suzana, 19 tahun, seorang mahasiswi datang berjumpa kaunselor (anda) dengan keadaan mata merah dan muka yang murung. Dia menyatakan bahawa dia tersangatlah sedih kerana tunangnya yang dikenalnya sejak kecil lagi telah memutuskan pertunangan dan terpikat dengan seorang gadis lain. Suzana menyatakan lagi bahawa dia telah bosan untuk hidup kerana nasibnya yang malang ini. Dia membayangkan bahawa dia akan melakukan sesuatu yang akan melenyapkan segala kesengsaraan yang sedang dihadapinya.

Soalan 1

Dengan menggunakan kemahiran-kemahiran serta teknik-teknik dan strategi-strategi yang telah dipelajari, huraikan langkah-langkah yang akan dilakukan oleh kaunselor (anda) untuk menangani kes Suzana ini agar dia dapat dibantu untuk mengatasi keadaan yang dialaminya itu.

(40 markah)

...2/-

Soalan 2

Pilih **TIGA (3)** kemahiran berikut. Dengan menggunakan contoh-contoh (dialog) huraikan maksud setiap kemahiran yang dipilih.

- a) Refleksi
- b) Parafrasa
- c) Penjelasan
- d) Merumus dan
- e) Memimpin

(30 markah)

Soalan 3

Di dalam proses kaunseling, peringkat menstruktur merupakan satu peringkat yang agak penting. Jelaskan maksud menstruktur dan mengapa menstruktur penting dilakukan di dalam perhubungan kaunseling?

(30 markah)

Soalan 4

Pilih **SATU (1)** jenis terapi berikut dan jelaskan teknik serta strategi utama yang digunakan oleh pendekatan (terapi) yang anda pilih.

- a) Terapi Rasional Emotif
- b) Terapi Tingkahlaku
- c) Terapi Kognitif

(30 markah)

- ooo0ooo -